

shahd
METRO ESOK

■ **GLOBAL:** Billionair semakin kaya
■ **SAINS IT:** Mesin rumput tenaga suria
■ **BELIA:** Program pelayaran bina sahsiah
■ **MIMBAR:** Dua orang puasa makbul
■ **SKOP:** Pemimpin tercinta
■ **SELEBRITI:** Amy rindu desa



PUSAT SUMBER PETROLEUM
BAHAGIAN PENDEKATAN
PETRONAS

Harian METRO

Edisi
NASIONAL

SABTU, 1 NOVEMBER 2003
(6 Remoden 1424)

Kini, Sini, Terkini
www.hmetro.com.my

PP 7273/3/2004
Harga: RM1.00
Sabah/Sarawak: RM1.50

هارين ميترو

Wajah-Wajah Pak Lah



MUKA 48-63

GILIRAN PAK LAH

HM 1/11/2003 - 1 PRECISE

Mula tugas
sebagai
Perdana
Menteri Kelima



Oleh Noor Sham Saleh,
Yusri Abdul Malek,
Nasharuddin Muhammad
dan Idris Musa
am@hmetro.com.my

PUTRAJAYA: Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi mulai semalam secara rasmi mengambil alih tampuk pemerintahan kerajaan Malaysia daripada Tun Dr Mahathir Mohamad yang berundur selepas 22 tahun menjadi Perdana Menteri.

Pada upacara simbolik, Dr Mahathir menyerahkan fail meja (buku bidang tugas rasmi Perdana Menteri) kepada Abdullah selaku Perdana Menteri yang baru di Tingkat 5, Pejabat Perdana Menteri di Bangunan Perdana Putra berkubah hijau yang menjadi mercu tanda Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan.

Ta tanda penyerahan tanggungjawab sebagai Perdana Menteri kepada Abdullah sambil disaksikan Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Samuddin Osman.

Abdullah sebelum itu mengangkat sumpah sebagai Perdana Menteri Malaysia kelima di hadapan Yang di-Pertuan Agong Tuanku Syed Sirajuddin Syed Putra Jamalullail di Istana Negara sebelum ke sini.

Selepas acara serah tugas itu, Abdullah mengadakan pertemuan tertutup dengan Dr Mahathir selama setengah jam.

Ketika mereka bertemu, Menteri Kabinet dan pegawai kanan kerajaan menunggu di ruang legar bersama-



SERAH TUGAS...Dr Mahathir memberikan fail meja kepada Abdullah sebagai simbolik penyerahan tanggung jawab sebagai Perdana Menteri, di Putrajaya, semalam.

Ibu syukur dan terharu

Oleh Tuan Asri Tuan Hussein
asri@hmetro.com.my

KEPALA BATAS: "Ibu mana yang tak rindukan anak, tapi dia lebih berguna kepada negara, tak apa biarlah negara ambil dia," kata Datuk Kailan Hassan, ibu Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Beliau berkata demikian ketika ditanya kemungkinan Abdullah semakin sukar pulang ke kampung untuk menemuinya selepas ini kerana kesibukan tugas sebagai Perdana Menteri.

Kailan, 79, ditemui di rumahnya di sini, semalam ketika menonton televisyen yang menyiarkan lintas langsung Abdullah mengangkat sumpah menerima tugas Perdana Menteri kelima.

Ketika menyaksikan anak sulungnya itu

mengangkat sumpah di hadapan Yang Dipertuan Agong, di Istana Negara, Kuala Lumpur, Kailan kelihatan tenang dan sedikit sebak.

"Bersyukurlah, gembira ada, terharu pun ada," katanya yang ditemani menantu (isteri adik bongsu Abdullah, Mohd Tahir), Khairun Bilal, 40, dan adik Khairun, Md Kamal, 41, yang juga sepupu Abdullah.

Abdullah anak sulung daripada empat adik beradik. Tiga adiknya ialah Aminah, 61, Ibrahim, 56 dan Mohd Tahir, 49.

Kailan berkata, sebelum ini tidak pernah terlintas di fikirannya yang Abdullah akan menjadi pemimpin nombor satu negara, biarpun selepas Abdullah dilantik Timbalan Perdana Menteri pada 1999.

Beliau bersyukur dengan kejayaan anak-

LIHAT MUKA 4

DIALOG KOTA RAYA

Oleh: Juragan

Siri 4

Dear Sir...

1987 tahun masalah, sesama UMNO berpecah belah, parti diseret sampai kemahkamah, lalu diharam dan dikatakan tidak sah, mujurnya Mahathir tidak gelabah, UMNO dipulihkan sehingga kembali gagah.

Setahun berselang muncul lagi cabaran, kali ini melibatkan institusi kehakiman, Mahathir dilempar pelbagai tuduhan, konon mengganggu sistem perundangan, semuanya kerana puak yang mengambil kesempatan, memutarakan fakta mencari kemasyhuran, tetapi kebenaran menelan kebatilan, puter belit itu terkubur tanpa bernesan, niat dan hasrat untuk mengganti kerajaan, kekal menjadi satu khayalan



LIHAT MUKA 10




SYUKUR...Kailan (duduk dua dari kanan) bersama keluarga terdekat di rumahnya di kampung Permatang Bertam, Kepala Batas mengaminkan doa selepas upacara mengangkat sumpah anaknya sebagai Perdana Menteri, semalam. — Gambar ASMAN IBRAHIM

Muka 5

Dr M mahu saya ke luar negara

Abu Bakar tak beri muka puak pelampau

Muka 6



Tidak timbul keraguan identiti Ayah Su

Muka 25